

13 JAN 1999

MTEN-ABDULLAH

DPM ABDULLAH BADAWI DILANTIK TIMBALAN Pengerusi NEAC

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Timbalan perdana menteri dan menteri dalam negeri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah dilantik sebagai timbalan pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), demikian diumumkan hari ini.

Dalam satu kenyataan MTEN menyatakan bahawa Abdullah adalah juga exco MTEN berkuatkuasa serta merta.

"Saya mengalu-alukan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melantiknya (Abdullah) menganggotai MTEN," kata pengarah eksekutif majlis itu dan menteri kewangan pertama, Tun Daim Zainuddin, di dalam kenyataan itu.

Katanya ini menunjukkan betapa pentingnya usaha ekonomi negara yang kini berjalan lancar.

Daim yang juga menteri tugas-tugas khas, berkata menerusi hubung baik antarabangsa serta pengalamannya yang luas selaku menteri luar, Abdullah akan membantu meningkatkan keyakinan di Malaysia, di dalam dan juga di luar negara.

Memandangkan keutamaan diberikan untuk memulihkan ekonomi negara, anggota exco MTEN seramai sembilan orang bermesyuarat setiap hari kecuali pada hari mesyuarat Kabinet, iaitu Rabu.

Dipengerusikan oleh Dr Mahathir, anggota exco MTEN termasuklah Abdullah sendiri, Daim, gabenor Bank Negara Tan Sri Abul Hassan Sulaiman, pengerusi dan ketua eksekutif Kajian Antarabangsa dan Strategik Malaysia Tan Sri Dr Noordin Sopiee dan ketua pengarah Unit Perancangan Ekonomi Datuk Dr Samsudin Hitam.

Dua lagi anggota exco MTEN adalah pengarah urusan Federal Flour Malaysia Bhd Oh Siew Nam dan ketua urusetia MTEN Dr Sulaiman Mahbob.

-- BERNAMA

MFJ MA